

JABATAN PENDIDIKAN SWASTA  
(DEPARTMENT OF PRIVATE EDUCATION)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)  
PARAS 1, BLOK K  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2586900  
(Telephone) 03-2583674  
Faks (Fax) : 603-2535463

KP(JPS)5181/01/02 (72)  
/ 9 Disember 2000

Semua Ketua Eksekutif  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN JPS BIL.6/2000  
Pelaksanaan Mata Pelajaran Bahasa Kebangsaan dan Mata Pelajaran Wajib

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran wajib di institusi-institusi pendidikan tinggi swasta. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan para 3.6 dan 3.7 Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 3/1998 bertarikh 4 September 1998.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] telah mula berkuatkuasa pada 31 Disember 1997. Subseksyen 41 (4) Akta tersebut mewajibkan mata pelajaran Bahasa Kebangsaan diajarkan di institusi pendidikan tinggi swasta yang menggunakan bahasa pengantar selain daripada Bahasa Kebangsaan. Oleh yang demikian sila pastikan bahawa

2.1 Mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (A) hendaklah diambil oleh pelajar warganegara Malaysia yang mengikuti kursus peringkat sijil, diploma, dan ijazah.

Pengecualian diberikan kepada pelajar yang mempunyai kelulusan:

- (i) kepujian Bahasa Kebangsaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
- (ii) lulus Bahasa Kebangsaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan prinsipal Bahasa Kebangsaan peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

- 2.2 Mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (A) dan (B) hendaklah diambil oleh pelajar warganegara Malaysia yang tidak mempunyai asas Bahasa Kebangsaan kerana mereka tidak mengikuti sistem pendidikan kebangsaan. Pelajar-pelajar dibenarkan mengambil mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (B) terlebih dahulu tetapi tidak dikecualikan daripada mengambil mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (A).
- 2.3 Mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (B) hendaklah diambil oleh pelajar bukan warganegara Malaysia.
- 3 Subseksyen 43 (1) Akta 555 memperuntukkan bahawa semua institusi pendidikan linggi swasta dikehendaki mengajar mata pelajaran wajib:
- 3.1 Mata Pelajaran Wajib ialah:
- (i) Mata Pelajaran Pengajian Malaysia
- Pelajar warganegara Malaysia dan pelajar bukan warganegara Malaysia yang mengikuti kursus pengajian peringkat sijil, diploma, dan ijazah hendaklah mengambil pengajian Malaysia.
- (ii) Mata Pelajaran Pengajian Agama Islam dan Pendidikan Moral
- Pengajian Agama Islam hendaklah diambil oleh pelajar warganegara Malaysia yang menganut agama Islam. Manakala pelajar warganegara Malaysia bukan penganut agama Islam hendaklah mengambil Pendidikan Moral.
- Pengecualian dibenkan kepada pelajar bukan warganegara Malaysia dan mengambil mata pelajaran pengajian agama Islam dan pendidikan moral.
- 3.2 Institusi yang ingin menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran wajib perulah mendapat kelulusan Menteri seperti yang diperuntukan di bawah subseksyen 41 (3) Akta 555.




3.3 Pengecualian dari mengambil mata pelajaran wajib adalah diberikan kepada pelajar warganegara Malaysia dan pelajar bukan warganegara Malaysia yang mengikuti kursus-kursus seperti berikut:

- (i) kursus peringkat sarjana dan kedoktoran;
- (ii) kursus jangka pendek;
- (iii) kursus vokasional yang jam kreditnya kurang daripada 20 jam;
- (iv) kursus ML VK untuk tahap I,II dan III dan
- (v) 'non-terminating' program.

4. Institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah memastikan pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran wajib diajar menggunakan sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Mata pelajaran tersebut hanya perlu diambil sekali sahaja oleh pelajar sama ada semasa pelajar mengikuti kursus peringkat sijil, diploma, atau ijazah kecuali pencapaian dalam mata pelajaran berkenaan tidak mencapai tahap yang ditentukan oleh LAN.

5. Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil.6/2000 ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATO' SERI Dr. ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH)  
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
- 1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
  - 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia



3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y.Bhg. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Ketua Jemaah Nazir Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah-Pengarah Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Semua Pengarah Pendidikan Negeri
12. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
13. Ketua Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia
14. Persatuan Kolej-Kolej Swasta Malaysia (MAPCO)
15. Persatuan Kebangsaan Institusi-Institusi Pendidikan Swasta & Bebas (NAPEI)
16. Persatuan IPTS Bumiputra (PINTAR)
17. Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia (PKIBM)
18. Persatuan Institusi Tinggi Swasta Sarawak (PERINTIS)

